# <u>PELANJUTAN TEMPOH PENGHANTARAN DOKUMEN TAWARAN DAN PERJANJIAN PINJAMAN PTPTN</u>

Saudara/i,

Dengan hormatnya perkara di atas adalah dirujuk.

Sebagaimana saudara/i maklum, Kerajaan telah mengumumkan pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan Bersyarat (PKPB) di beberapa Negeri mulai 14 Oktober 2020 sehingga 06 Disember 2020 dan Perintah Kawalan Pergerakan Diperketatkan (PKPD) di beberapa Zon Merah bagi menangani ancaman penularan wabak Covid-19.

Susulan pengumuman tersebut, **tempoh penghantaran Dokumen Tawaran dan Perjanjian Pinjaman bagi kelulusan 7 Oktober 2020 dan 6 November 2020 dilanjutkan sehingga 14 Disember 2020.** Penghantaran dokumen boleh dibuat melalui saluran berikut:

1. **Hantar ke Ibu Pejabat PTPTN melalui pos di alamat:**

   **Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional (PTPTN),**
   **Tingkat Bawah, Menara PTPTN,**
   **Blok D, Megan Avenue II,**
   **No.12, Jalan Yap Kwan Seng,**
   **50450 Kuala Lumpur.**
   **(u.p: En. Ahmad Shahril@Muhammad Shahril bin Ghazali)**

   Atau

2. **Hantar ke Pejabat PTPTN Cawangan berhampiran (sila rujuk Portal PTPTN).**

Bagi mengelakkan kesesakan serta menjaga SOP penjarakan sosial, pelajar boleh menghantar dokumen melalui **pos**.

Sebarang pertanyaan, boleh diajukan kepada Unit Penajaan, Endowmen dan Dana Pelajar di talian 09-668 7945/ 7811/ 7942.

Harap maklum. Terima kasih

# SENARAI SEMAK DOKUMEN PERJANJIAN PTPTN

1. **Sila cetak dokumen tawaran daripada laman web yang mengandungi dokumen-dokumen berikut:**

   a. Senarai Semak Dokumen
   b. Surat Tawaran Pinjaman Pendidikan/Pinjaman Semula Pendidikan seperti Akuan Penerimaan dan Surat Kebenaran 1/2/3/4
   c. Dokumen Perjanjian Pinjaman Pendidikan/Pinjaman Semula Pendidikan
   d. Dokumen Lampiran Perjanjian Pinjaman Pendidikan/Pinjaman Semula Pendidikan
   e. Lampiran A-Akuan Terimaan Surat Tawaran dan Dokumen Perjanjian Pinjaman Pendidikan/Pinjaman Semula Pendidikan

2. **Pelajar perlu menyediakan Dua (2) set dokumen yang merangkumi perkara b), c) dan d) di nombor 1.**

3. **Setiap cetakan dokumen tawaran mestilah menggunakan kertas putih bersaiz A4 (80gsm) dengan menggunakan satu muka kertas untuk setiap satu (cetakan tidak dilakukan pada muka hadapan dan belakang pada helaian yang sama Dakwat cetakan hendaklah berwarna hitam**.

# DOKUMEN SOKONGAN

Salinan Surat Tawaran Kemasukan ke UniSZA

**Satu (1) salinan perlu disediakan dengan berwarna putih dan TIDAK PERLU DISAHKAN;**

**DIPALANG DUA (2) GARISAN LURUS dan ditulis "UNTUK KEGUNAAN PTPTN SAHAJA"**



# SENARAI SEMAK DOKUMEN PERJANJIAN PTPTN

1. SETEM HASIL BERNILAI RM 10.00 DISEDIAKAN **SEBANYAK DUA (2) KEPING IAITU RM10.00** BAGI SETIAP SET DOKUMEN PERJANJIAN PENDIDIKAN

2. SYARAT KELAYAKAN SAKSI PELAJAR **– WARGANEGARA** DAN **PEGAWAI KUMPULAN PENGURUSAN DAN PROFESIONAL (GRED 41 DAN KE ATAS) TERMASUK PARA PENSYARAH**

3. PELAJAR PERLU MENURUNKAN **TANDATANGAN RINGKAS PADA SETIAP MUKA SURAT 10 - 15**

4. **SATU SALINAN LAMPIRAN 1** – AKUAN TERIMAAN SURAT TAWARAN